

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**( DATUK DR. ARIS BIN OTHMAN )**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,  
Kementerian Kewangan Malaysia.

**Bertarikh : 13 April 1999**

**No. Fail : S.K.KEW/PK/1100/000000/10/31 Jd.4(4)**

s.k.

Akauntan Negara Malaysia  
Ketua Audit Negara Malaysia  
Semua Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri, dan  
Semua Ketua Bahagian Perbendaharaan Malaysia.

## Surat Pekeliling Perbendaharaan



### SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 6 TAHUN 1999

#### **KONTRAKTOR DIWAJIBKAN MEMULAKAN KERJA DALAM TEMPOH DUA MINGGU DARI TARikh MILIK TAPAK SEBAGAI LANGKAH UNTUK MEMPERCEPATKAN PELAKSANAAN PROJEK**

##### **1. TUJUAN**

1.1. Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan memaklumkan kepada semua Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan (Agenzi Kerajaan) tentang keputusan Kerajaan untuk mensyaratkan semua kontraktor projek Kerajaan memulakan kerja dalam tempoh 2 minggu dari tarikh milik tapak.

##### **2. LATAR BELAKANG**

2.1. Sejak akhir-akhir ini adalah didapati terdapat semakin banyak projek Kerajaan yang telah ditawarkan kepada kontraktor lambat dan tidak dimulakan pelaksanaannya pada tarikh yang ditetapkan. Kelambatan tersebut, antara lainnya, berpunca daripada kegagalan kontraktor berkenaan memulakan kerja-kerja fizikal di tapak.

2.2. Sehubungan dengan itu bagi mengelakkan daripada berlakunya kelewatan pelaksanaan projek Kerajaan, maka Kementerian Kewangan memutuskan semua projek Kerajaan wajib dimulakan pelaksanaannya dalam tempoh 2 minggu dari tarikh milik tapak.

##### **3. TATACARA PELAKSANAAN**

3.1. Sebelum mengeluarkan surat setuju terima, agensi Kerajaan berkenaan dikehendaki memastikan bahawa semua masalah berkaitan tapak projek diselesaikan terlebih dahulu. Daraf surat niat dan surat setuju terima tidak lagi perlu dirujuk kepada Kementerian Kewangan untuk persetujuan.

3.2. Surat setuju terima seperti **di Lampiran A** hendaklah diguna pakai bagi semua perolehan kerja Kerajaan.

3.3. Agensi Kerajaan hendaklah menetapkan tarikh milik tapak tidak melebihi 4 minggu selepas tarikh surat setuju terima dikeluarkan bergantung kepada nilai dan kekusutan (*complexity*) projek berkenaan. Kontraktor dikehendaki memulakan kerja tidak lewat dari 2 minggu selepas tarikh milik tapak. Bon pelaksanaan, boleh dikemukakan oleh kontraktor pada bila-bila masa dalam tempoh tersebut.

3.4. Bagi tujuan Surat Pekeliling ini maksud memulakan kerja ialah kontraktor memulakan kerja-kerja

awalan (*preliminaries*) di tapak projek berkenaan seperti membekalkan peralatan dan bahan-bahan binaan, meratakan tanah di tapak projek, membina pejabat tapak serta mendapatkan kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air dan kerja-kerja awalan lain yang dijelaskan dalam dokumen tender. Jikalau kontraktor yang terpilih tidak memulakan kerja-kerja awalan dalam tempoh 2 minggu selepas tarikh milik tapak yang ditetapkan, kontrak tersebut boleh ditamatkan dan tindakan boleh diambil terhadap kontraktor berkenaan. Walau bagaimanapun tindakan ini akan dikecualikan sekiranya kelewatan memasuki tapak itu adalah berpunca daripada sebab-sebab di luar kawalan kontraktor berkenaan.

3.5. Sekiranya kontrak tersebut ditamatkan di atas sebab kegagalan memulakan kerja sedemikian, agensi Kerajaan berkenaan perlu mengemukakan semula kertas-kertas tender projek tersebut kepada Lembaga Perolehan asal untuk memilih kontraktor lain. Sekiranya tempoh sah laku tender hampir luput agensi Kerajaan berkenaan hendaklah mendapatkan persetujuan daripada petender-petender berkenaan untuk melanjutkan tempoh sah laku tender. Di samping itu agensi Kerajaan berkenaan hendaklah melaporkan penamatan kontrak tersebut kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk tindakan sewajarnya dan Kementerian Kewangan untuk tujuan rekod.

3.6. Agensi Kerajaan hendaklah memasukkan perkara di para 3.4. ke dalam dokumen tender dan dalam perjanjian kontrak. Maklumat tersebut akan menjadi amaran awal kepada semua petender yang mengambil bahagian dan seterusnya hanya kontraktor yang benar-benar layak sahaja memasuki tender projek-projek Kerajaan.

3.7. Bagi tujuan memenuhi keperluan Bon Pelaksanaan, kontraktor diberi pilihan untuk sama ada mengemukakan Jaminan Bank atau Jaminan Insurans (bagi projek kerja yang bernilai RM1 juta ke bawah sahaja) atau dikenakan Wang Jaminan Pelaksanaan. Bon Pelaksanaan tersebut akan dilepaskan 12 bulan selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan atau setelah sijil perakuan siap memperbaiki kecacatan dikeluarkan mengikut mana yang terdahulu.

3.8. Jikalau kontraktor berkenaan gagal mengemukakan Jaminan Bank atau Jaminan Insurans (bagi projek kerja yang nilainya tidak melebihi RM1 juta) pada tarikh milik tapak, maka secara automatik kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan akan diguna pakai. Walau bagaimanapun pada bila-bila masa di sepanjang pelaksanaan projek tersebut, kontraktor boleh mengemukakan Jaminan Bank atau Jaminan Insurans (bagi projek kerja yang nilainya tidak melebihi RM1 juta) dan agensi Kerajaan berkenaan dikehendaki memulangkan Wang Jaminan Pelaksanaan yang ditahan.

#### 4. PEMBATALAN

4.1. Dengan keluarnya Surat Pekeliling Perbendaharaan ini para 13.3. SPP Bil.2 Tahun 1995 dibatalkan.

#### 5. KUAT KUASA

5.1. Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian. Terima kasih.

#### 'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

t.t

**(DATUK DR. ARIS BIN OTHMAN)**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,  
Kementerian Kewangan.

Bertarikh : Jun 1999

No.Fail : S/K/KEW/PK/1100/000000/10/31 Jld.5 ( )

s.k.

**Akauntan Negara Malaysia,  
Ketua Audit Negara,  
Semua Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri/**

**Setiausaha Kewangan Negeri.**

**LAMPIRAN 1**

**KERAJAAN MALAYSIA  
JABATAN KERJA RAYA  
SURAT SETUJU TERIMA TENDER**

Rujukan.....  
.....  
.....

Tarikh :

Kepada:

.....  
.....  
.....  
.....

Tuan,

Tender Untuk :

.....  
.....

Dengan ini adalah diberitahu bahawa Tender tuan bagi kerja-kerja tersebut di atas berharga Ringgit Malaysia :  
..... iaitu (.....) telah dipersetujui, tertakluk kepada had, syarat dan perjanjian dalam Dokumen Tender yang menjadi asas Tender ini dan juga kepada surat ini.

2. Tuan dikehendaki melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal dalam sedikit masa lagi. Bagaimanapun, sehinggalah Perjanjian Kontrak yang formal itu dilaksanakan, Tender tuan berserta Surat Setuju Terima Tender ini akan menjadi kontrak yang sah mengikat di antara tuan dan Kerajaan.

3. Tuan akan diberitahu bila Dokumen Kontrak siap sedia untuk ditandatangani. Walau bagaimanapun sebelum Dokumen Kontrak ditandatangani, harga dan kadar harga dalam Jadual Kadar Harga dan/atau Ringkasan Tender atau Senarai Kuantiti, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Pengguna tentang kemunasabahannya tetapi Jumlah Harga Kontrak seperti tersebut di atas hendaklah tetap tidak berubah.

4. Tuan dikehendaki menyatakan pilihan kaedah Bon Pelaksanaan sama ada:

\*(I) Jaminan Bank

\*(ii) Jaminan Insurans (bagi kontrak kerja yang bernilai RM1 juta ke bawah sahaja).

\*(iii) Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sepuluh peratus (10%) daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah lima peratus (5%) harga kontrak.

\* potong yang mana tidak berkenaan.

5. Sebelum memulakan kerja-kerja, tuan adalah dikehendaki menyerahkan kepada Kerajaan atau Pegawai Pengguna perkara-perkara berikut:

- (a) Bon Pelaksanaan sebanyak RM.....merupakan 5% daripada Harga Kontrak Asal) secara Jaminan Bank atau Jaminan Insurans yang diluluskan. (Sekiranya Kontraktor yang memilih kaedah Jaminan Bank atau Jaminan Insurans sahaja).
- (b) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harga nilai insurans tidak kurang daripada RM.....
- (c) Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) dan/atau;
- (d) Polisi Insurans Pampasan Pekerja berjumlah tidak kurang daripada RM.....(merupakan anggaran jumlah pendapatan daripada pekerja-pekerja kontraktor yang tidak termasuk di bawah Skim PERKESO).
- (e) Polisi Insurans Kerja: RM.....

Dengan syarat bahawa bagi memulakan kerja-kerja dan bukan maksud lain, tuan boleh menyerahkan Bon Pelaksanaan dan Nota Liputan bagi maksud polisi-polisi insurans tersebut dan resit-resit premium yang telah dibayar itu kepada Pegawai Pengguna.

6. Bagaimanapun tuan dikehendaki menyerahkan Polisi Insurans untuk kerja-kerja dan segala polisi insurans lain yang berkenaan (jika belum diserahkan) menurut perenggan 5 di atas, sebelum melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal.

7. Sekiranya pihak tuan memilih kaedah di para 4 (I) atau 4(ii), Kerajaan berhak melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan jikalau pada tarikh milik tapak yang ditetapkan tuan gagal mengemukakan Bon Pelaksanaan seperti di para 4 (I) atau di para 4(ii). Tuan boleh memulakan kerja-kerja setelah Nota Liputan bagi maksud polisi-polisi Insurans tersebut dan resit-resit premium yang telah dibayar itu diserahkan kepada Pegawai Pengguna.

8. Tarikh milik tapak bina seperti yang disebutkan dalam syarat-syarat kontrak ialah pada ..... tetapi tiada apa-apa kerja di bawah kontrak ini boleh dimulakan kecuali dan sehingga tuan mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah perenggan 5 surat ini.

9. Kegagalan tuan melaksanakan kerja dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh milik tapak setelah nota liputan bagi maksud polisi insurans dan resit-resit premium dikemukakan akan mengakibatkan (a) tawaran tuan dibatalkan. Tindakan akan diambil mengikut Fasal 51 kepada syarat-syarat kontrak J.K.R. 203.

10. Berdasarkan kepada Tempoh Siap Kerja yang ditenderkan selama ..... minggu, Tarikh Siap untuk seluruh kerja-kerja di bawah kontrak ini ialah .....

11. Surat ini dihantar kepada tuan dalam dua salinan. Sila kembalikan salinan asal yang telah ditandatangani oleh tuan dan disaksikan dengan sempurna di ruang yang berkenaan, ke pejabat ini dalam tempoh ..... hari dari tarikh surat ini dan simpan salinannya.

.....  
( Tandatangan Pegawai )  
Nama Penuh: .....  
Nama Jawatan: .....  
Untuk dan bagi pihak Kerajaan.

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini mengaku penerimaan surat di atas dan salinannya telah disimpan.

.....  
Tandatangan Kontraktor

Nama Penuh:.....  
Atas Sifat : .....

.....  
Tandatangan Saksi

Nama Penuh:.....  
Nama Jawatan:.....  
Alamat :.....  
.....  
.....

Diberikan dengan sempurna untuk  
Menandatangani untuk dan bagi pihak  
.....  
Meteri atau Cop Kontraktor  
Tarikh:.....

Tarikh:.....

s.k.